

Ulasan Buku / *Book Review*

Konotasi Angka Dalam Al-Quran

Intan Nor Syahira binti Ahmad & Md Nor Abdullah

Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

*Corresponding author: intansyahira20@gmail.com

Published: 25 April 2024

To cite this article (APA): Ahmad, I. N. S., & Abdullah, M. N. (2024). Ulasan Buku / Konotasi Angka Dalam Al-Quran. *AL-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture*, 2(1), 65–69. <https://doi.org/10.37134/almakrifah.vol2.1.6.2024>

***Konotasi Angka Dalam Al-Quran*. 2014. Mikdar Rusdi. Johor: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), 226 halaman. ISBN 978-967-0468-33-4. Ulasan oleh Intan Nor Syahira binti Ahmad & Md Nor Abdullah**

Buku ini merupakan hasil penulisan seorang pensyarah bidang tafsir al-Quran di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), iaitu Mikdar Rusdi. Beliau merupakan pensyarah kanan di Jabatan Pengajian Islam dan Sains Sosial, Fakulti Sains Teknologi dan Pembangunan Insan, (UTHM). Beliau mendapat pendidikan peringkat sarjana muda di Universiti al-Azhar Mesir, Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau aktif menjalankan penyelidikan tentang tafsir al-Quran dan kini merupakan Senior Assistant Professor merangkap Dekan Fakulti Usuluddin, Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Buku ini merupakan hasil tulisan yang diterbitkan daripada sebuah disertasi sarjana Mikdar Rusdi, tahun 2003 yang bertajuk “Konotasi Angka-Angka dalam al-Qur’an: Suatu Kajian Tafsir Maudu’i” di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kemudiannya, corak penulisan tersebut diolah bersesuaian dengan corak penulisan buku. Penulis telah menterjemahkan disertasi tersebut dalam bentuk penerbitan buku yang bertajuk “Konotasi Angka dalam al-Quran: Suatu Pendekatan Tafsir Maudu’i.” Buku ini telah diterbitkan pada tahun 2014 oleh Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Secara umumnya, buku ini disusun dalam bentuk gaya bahasa, idea dan cara penyampaian yang santai serta mudah difahami.

Buku ini memaparkan cetusan idea seorang ahli akademik di Malaysia, berlatar belakang bidang tafsir al-Quran yang melakukan kajian berkaitan angka dalam al-Quran. Buku ini ditulis bagi membincangkan berkenaan angka-angka yang termaktub dalam al-Quran dengan tujuan menerangkan makna-makna disebalik ayat yang berjumlah 315 ayat yang mengandungi angka. Perbincangan angka dan ulasan maksud mengenai ayat-ayat tersebut melalui pendekatan penafsiran al-Quran secara tematik. Kemudian, ayat-ayat ini akan diklasifikasikan kepada tiga kategori iaitu angka yang berkonotasi dengan Allah, manusia dan alam sekitar. Ia dilihat menarik untuk dibaca kerana penulis percaya di sebalik lafaz angka dalam al-Quran ini terdapat nilai-nilai mukjizat yang dapat diperhatikan. Maklumat ini dinyatakan oleh penulis buku ini sendiri di bahagian prakata.

Buku ini disusun oleh penulis dengan mengemukakan empat bab. Bab pertama penulis menghuraikan berkenaan ‘Pengenalan tentang Tafsir Maudu`i dan Sejarah Perkembangannya’. Manakala, bab kedua menjelaskan mengenai ‘Angka-angka yang berhubung kait dengan Allah’. Seterusnya, bab ketiga membincangkan tentang ‘Angka-angka yang berhubung kait dengan manusia’ merupakan topik yang paling panjang dibincangkan merangkumi harta warisan, penciptaan manusia, kesatuan ummah, hari kiamat, jin dan malaikat dan sebagainya. Topik ini dihuraikan kepada 21 kategori tidak termasuk pengenalan bab. Akhir sekali, pada bab keempat penulis menganalisis ‘Angka-angka yang berhubung kait dengan alam sekitar’, memuatkan penjelasan yang agak ringkas meliputi tujuh aspek yang menjadi topik perbincangan dalam bab ini. Berakhir dengan penutup sebagai ringkasan bagi setiap bab dalam buku ini serta lampiran mengenai angka yang terdapat dalam al-Quran beserta jumlah.

Kajian angka atau bilangan dalam al-Quran merupakan salah satu topik kajian yang menjadi perbincangan di peringkat akademik dalam kalangan pengkaji ulum al-Quran. Isu tentang angka atau bilangan dalam al-Quran ini dilihat mempunyai kesinambungan dengan al-Quran dan merupakan salah satu aspek dalam kemukjizatan al-Quran itu sendiri. Lantaran keluasan skop perbincangannya, membuatkan para pengkaji semakin berminat untuk menceburinya dan mendapat tempat sehingga kini. Tambahan pula, aspek kemukjizatan angka atau bilangan ini merupakan satu cetusan baru yang muncul ekoran beberapa faktor. Antaranya sistem penomboran dalam al-Quran dan sistem teknologi bagi memudahkan para pengkaji dalam pengumpulan data. Oleh yang demikian, buku merupakan salah satu penulisan yang penting dalam membincangkan mengenai persoalan angka atau bilangan dalam al-Quran dengan melihat kepada beberapa aspek.

Tujuan utama buku ini adalah bagi membincangkan mengenai angka yang termaktub dalam al-Quran dan untuk mengetahui penjelasan nombor-nombor yang ada dalam al-Quran yang berjumlah 315 angka dengan lebih terperinci. Buku ini menggunakan metod penafsiran tematik al-Quran atau dikenali sebagai “*Tafsir Maudu`i*.” Metod ini digunakan dalam menjelaskan makna ayat-ayat al-Quran yang mengandungi angka dengan mengklasifikasikan ayat berikut kepada tiga sub topik iaitu, angka yang berkaitan dengan Allah, manusia dan alam sekitar. Di samping itu, penulis turut berpendapat bahawa di sebalik lafaz angka dalam al-Quran terdapat nilai-nilai *i`jaz* yang boleh dijadikan renungan.

Pada bahagian pendahuluan, penulis menyatakan bahawa istilah “*tafsir maudu`i*” hanya muncul setelah abad ke-14 Masihi dan mula menjadi subjek di Fakulti Usuluddin, Universiti al-Azhar Mesir (Mustafa Muslim 1989). Revolusi ini menjadi titik tolak kepada perbincangan rancak mengenai “*tafsir maudu`i*” dalam kalangan para pengkaji khususnya dalam bidang ulum al-Quran. Selain itu, penulis berpendapat bahawa dengan mendedahkan dan menjelaskan angka-angka dalam al-Quran merupakan sebahagian daripada “*tafsir maudu`i*” yang boleh memberi satu gambaran tentang keunikan al-Quran.

Dalam bab 1, penulis menghuraikan secara mendalam mengenai pengenalan dan sejarah perkembangan “*tafsir maudu`i*” dengan menyentuh beberapa aspek penting. Antaranya, dengan menerangkan makna “*maudu`i*” itu sendiri agar pembaca lebih jelas bahawa yang dimaksudkan ini adalah mengenai tema-tema yang terdapat dalam al-Quran secara keseluruhan. Seterusnya, turut dijelaskan mengenai pembahagian “*tafsir maudu`i*” corak perkembangannya, sejarah kemunculan sehingga kepada kepada isu-isu yang berlaku setelah zaman pembukuannya. Selain itu, penulis turut membincangkan sedikit perbincangan tentang langkah-langkah penerapan “*tafsir maudu`i*” dan diakhiri dengan menyatakan beberapa keistimewaannya.

“*Tafsir maudu’i*” merupakan hasil keprihatinan para ulama pada peringkat awal Islam yang mementingkan corak penafsiran al-Quran secara analisis. Begitu juga aspek angka atau bilangan yang menurut penulis mempunyai keunikan tersendiri kerana semua aspek utama kehidupan yang berkaitan dengan manusia dikaitkan dengan angka. Oleh yang demikian, topik angka atau bilangan dalam al-Quran ini dilihat sebagai salah satu cara bagi kita memahami al-Quran dan mampu mendekati diri kepada Allah swt.

Bab 2 membincangkan mengenai angka dalam al-Quran dan diklasifikasikan kepada angka-angka yang berhubung kait dengan Allah swt. Penulis menghuraikan angka-angka yang berhubung kait dengan Allah swt yang dilihat memberi suatu nilai mukjizat al-Quran kerana misi utama al-Quran untuk menjunjung tinggi tauhid sekaligus menghapuskan amalan syirik. Angka yang berhubung kait dengan Allah swt meliputi angka yang berkaitan dengan tauhid dan kekuasaan Allah swt. Perbincangan dalam bab ini berfokuskan kepada tiga isu utama iaitu mengukuhkan ketauhidan kepada Allah swt, menafikan kesyirikan dan menjunjung tinggi kekuasaan Allah swt.

Bab 3 pula memfokuskan kepada angka-angka yang berhubung kait dengan manusia. Angka dengan manusia memiliki keunikan tersendiri kerana hampir keseluruhan topik utama yang berkaitan dengan manusia disebutkan angka di dalamnya. Daripada topik berkenaan hubungan manusia sesama manusia, keluarga, masyarakat, dosa dan pahala, kaitan sejarah nabi dan rasul sehinggalah kepada balasan di akhirat. Ia merangkumi perbincangan angka yang merujuk kepada harta warisan, ibadah, sejarah para nabi dan rasul, hari akhirat, jin, malaikat dan sebagainya.

Dalam bab 4, penulis memfokuskan perbincangan kepada persoalan mengenai angka-angka yang berkonotasi dengan alam sekitar. Keindahan uslub al-Quran ketika menceritakan tentang alam bukan saja dapat dinilai melalui ayat-ayatnya bahkan dapat dikuatkan melalui penyebutan angka yang berkonotasi dengan alam itu sendiri. Perbincangan angka dengan alam sekitarnya merangkumi pelbagai aspek antaranya, mengenai penciptaan langit dan bumi, bintang-bintang, pelbagai jenis haiwan dan tumbuh-tumbuhan dengan keunikannya serta air dengan keistimewaan tersendiri. Lafaz angka dalam al-Quran mewakili sebahagian besar ruang lingkup alam sekitar yang meliputi langit, bumi dan segala isinya. Hal ini, merupakan seruan Allah swt untuk kita memerhatikan ciptaanNya agar manusia dapat mengambil sesuatu pengajaran darinya.

Dalam hal ini, penulisan buku ini boleh dianggap sebagai satu bahan rujukan yang relevan sekaligus menyokong kajian-kajian berkaitan dengan angka dalam al-Quran itu sendiri. Secara umumnya, buku ini menyatakan bahawa di sebalik lafaz angka-angka dalam al-Quran itu terdapat nilai-nilai kemukjizatan (*i’jaz*) al-Quran. Angka yang termaktub dalam al-Quran yang mengandungi 315 angka secara keseluruhannya dipercayai mempunyai konotasi, makna dan hikmah untuk difikirkan. Tidak dinafikan bahawa tidak semua angka dinukilkan dalam ayat-ayat al-Quran melainkan angka-angka tertentu sahaja.

Bermula dengan angka 1/10 iaitu angka yang paling kecil dalam al-Quran yang menceritakan mengenai harta rampasan. Manakala, angka 100 000 pula merupakan angka yang dijumpai memiliki nilai paling besar dalam al-Quran. Ia menceritakan berkenaan kisah Nabi Yunus a.s dengan kaumnya yang berjumlah 100 000 orang. Seperti firman Allah swt dalam surah al-Saffat ayat 147:

وَأَرْسَلْنَاهُ إِلَىٰ مِائَةِ أَلْفٍ أَوْ يَزِيدُونَ

Maksudnya: “Dan Kami utus dia kepada seratus ribu orang atau lebih.”

Pada era kemajuan penciptaan teknologi kini, pendekatan untuk mengkaji dan mendapatkan data-data seperti mengetahui pengulangan perkataan atau bilangan yang terdapat dalam al-Quran bukan lagi satu halangan bagi para pengkaji dalam kajian ini. Pelbagai sumber telah tersedia namun, penafsiran itu haruslah merujuk kepada tafsir-tafsir al-Quran yang sah. Kajian angka dalam al-Quran ini perlu dijalankan bagi merungkai penemuan-penemuan baru dalam memahami kemukjizatan al-Quran dari aspek bilangan.

Selain itu, aspek ini mampu menyedarkan kita bahawa bilangan juga merupakan salah satu perkara yang telah dinyatakan oleh Pencipta, sebelum manusia mempunyai sistem kiraan lagi. Justeru, aspek kiraan dalam al-Quran yang mendorong para cendekiawan Islam terdahulu bagi menceburi bidang kiraan ini yang dikenali sebagai ilmu matematik. Agama merupakan faktor utama pelbagai kajian dilakukan dan seterusnya membawa kepada penciptaan-penciptaan teknologi. Ia berkembang mengikut peralihan zaman dan perkembangan tamadun. Jika dilihat daripada sudut ilmu pengetahuan berkaitan angka dan kiraan, kita akan dapati bahawa perkembangan sistem ini berlaku ditengah-tengah kemajuan tamadun Islam yang kemudiannya kekal digunakan hingga ke hari ini.

Sumbangan tamadun Islam ini tidak dapat dinafikan lagi dengan kemunculan beberapa tokoh awal dalam ilmu pengetahuan matematik yang lahir daripada golongan cendekiawan Islam. Contohnya Al-Khawarizmi merupakan pelopor pertama dalam penciptaan sistem angka. Penyusunan dan sistem yang ditemui oleh beliau dilihat merupakan satu kaedah yang paling sistematik digunakan berbanding dalam tamadun-tamadun lain. Penemuan angka sifar juga merupakan sumbangan besar dalam bidang matematik kerana dengan angka sifar ini mereka mampu membezakan nilai 201 dan 2001 dengan hanya melihat kepada kedudukan angka sifar itu sahaja.

Walau bagaimana pun, perlu diketahui bahawa al-Quran mendorong agar umat Islam itu sentiasa berfikir. Penetapan 12 bulan dalam setahun, mengenai operasi tambah, tolak, bahagi dan darab, rahsia bilangan pemuda dalam kisah ashabul kahfi turut dirungkai dalam ayat-ayat suci al-Quran. Kewajipan dalam menjalankan syariat sebagai seorang muslim juga lengkap tersedia dalam al-Quran. Antaranya, masalah mengenai zakat yang secara terperinci diterangkan tentang pembahagiannya, jenis harta yang perlu dikeluarkan zakat, kadar zakat yang perlu dikeluarkan sehinggalah kepada orang yang wajib menerima zakat. Selain itu, permasalahan faraid atau pembahagian harta pusaka juga turut dibincangkan. Secara tidak langsung, ini membuktikan kepada kita bahawa Allah swt mementingkan aspek angka bagi menerangkan sesuatu kepada umat manusia. Salah satu nama Allah *al-Hasib* menjelaskan bahawa Allah itu maha menghitung segala sesuatu. Seperti firman Allah swt dalam surah ar-Ra'd ayat 8:

اللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَحْمِلُ كُلُّ أُنْثَىٰ وَمَا تَغِيضُ الْأَرْحَامَ وَمَا تَزِدَادُ كُلُّ شَيْءٍ عِنْدَهُ بِمِقْدَارٍ

Maksudnya: “Allah mengetahui apa yang dikandung oleh setiap perempuan, dan kandungan rahim yang kurang sempurna dan yang bertambah. Dan segala sesuatu pada sisi-Nya ada ukurannya.”

Angka yang digunakan dalam ilmu matematik telah dicatatkan dalam al-Quran. Kepentingan bagi mentadabbur ayat-ayat yang mengandungi aspek angka dalam al-Quran ini pasti membawa kita kepada sebuah penemuan dalam memahami ayat-ayatNya. Sungguh pun demikian, bukanlah angka itu yang menjadi tunjang asas fokus dalam sesuatu kajian. Namun pemilihan dan pengulangan kalimah angka itu yang menjadi salah satu bukti kekuasaan Allah

swt yang mana sehingga kini sama ada manusia mahupun jin atau kedua-duanya bergabung untuk mendatangkan satu ayat sekalipun pastinya mereka tidak akan mampu. Secara kesimpulannya, dapat kita perhatikan bahawa aspek bilangan juga termasuk dalam kemukjizatan al-Quran yang membuatkan manusia dan jin itu lemah dan tidak mampu menyahut cabaran al-Quran walaupun satu ayat. Firman Allah swt dalam surah al-Isra' ayat 88:

قُلْ لِّئِنِ اجْتَمَعَتِ الْإِنْسُ وَالْجِنُّ عَلَىٰ أَنْ يَأْتُوا بِمِثْلِ هَذَا الْقُرْآنِ لَا يَأْتُونَ بِمِثْلِهِ ۗ وَلَوْ كَانَ بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ
ظَهِيرًا

Maksudnya: Katakanlah: “*Sesungguhnya jika manusia dan jin berkumpul untuk membuat yang serupa al-Quran ini, niscaya mereka tidak akan dapat membuat yang serupa dengan dia, sekalipun sebagian mereka menjadi pembantu bagi sebagian yang lain.*”